

13) PERUMAHAN MAMPU MILIK

Adun : Y.B. TUAN YEW JIA HAUR (TERATAI)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah projek perumahan mampu milik yang sedang atau akan dilaksanakan di PBT kawasan bandar seperti MBSA, MBPJ, MBDK, MBSJ dan MPAJ?

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2025 terdapat **161 projek** dengan **92,790 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan pentadbiran **MBSA, MBPJ, MBDK, MBSJ dan MPAJ**. Daripada jumlah tersebut **44 projek** dengan **16,340 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci, **18 projek** dengan **10,806 unit** sedang dalam pembinaan dan **99 projek** dengan **65,644 unit** lagi sedang dalam peringkat perancangan. Perincian adalah seperti berikut:-

PBT	SIAP	BINA	PERANCANGAN	JUMLAH
MBSA	16 Projek (7,518 unit)	10 Projek (8,065 unit)	41 Projek (41,059)	67 Projek (56,642 unit)
MBPJ	2 Projek (624 unit)	-	5 Projek (1,534 unit)	7 Projek (2,158 unit)
MBDK	13 Projek (3,277 unit)	3 Projek (853 unit)	23 Projek (12,133 unit)	39 Projek (16,263 unit)
MBSJ	9 Projek (4,628 unit)	4 Projek (1,613 unit)	19 Projek (8,528 unit)	32 Projek (14,769 unit)
MPAJ	4 Projek (293 unit)	1 Projek (275 unit)	11 Projek (2,390 unit)	16 Projek (2,958 Unit)

b) Apakah perancangan jangka panjang bagi Kerajaan Negeri dalam projek Perumahan Mampu Milik untuk 15 tahun yang akan datang?

Untuk maklumat Yang Berhormat, antara perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri berkaitan perumahan mampu milik adalah memastikan dasar perumahan Negeri Selangor sentiasa relevan untuk dilaksanakan oleh pemain industri perumahan di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, Dasar Rumah Selangorku 3.1 yang juga dikenali sebagai Dasar Rumah Idaman Harapan dan Rumah Idaman MBI Negeri Selangor telah dilancarkan pada 10 Februari 2025 yang lalu yang mana bertujuan memangkin pembinaan Rumah Mampu Milik Negeri Selangor. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah menyediakan beberapa polisi/ agenda di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) berkaitan perumahan mampu milik seperti berikut :

- 1) Menggalakkan pembangunan kawasan perumahan baharu dalam kawasan tadahan pengangkutan awam (TOD).
- 2) Meneruskan dan merancang semula projek perumahan terbengkalai.
- 3) Mengemas kini Piawaian dan Panduan Perancangan bagi pembangunan perumahan, kemudahan sokongan dan kawasan persekitaran.
- 4) Pembangunan semula bandar-bandar/kawasan perumahan lama dan usang.